

# **BENGKEL KAJIAN DIASPORA MELAYU: MASYARAKAT MELAYU CHAMPA DI INDOCHINA**

**ANJURAN: BAHAGIAN KESUSASTERAAN  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**TEMPAT: DEWAN MESYUARAT  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN**

**TARIKH: 30 APRIL 2005  
MASA: 9.00 PG - 5.00 PTG.**

# RUANG LUAS DAN RENCAM PENYELIDIKAN SASTERA CHAM

**Muhammad Haji Salleh**

Sebuah bangsa yang dinamis biasanya ditunjangi juga oleh sebuah masyarakat yang dinamis Masyarakat inilah yang mencipta sastera yang melukis perjalanan bangsa itu, tempat permulaannya, kejayaannya dan juga kekalahannya Dalam garis-garis yang mungkin lebih imaginatif dilukis juga jiwa dan perasaannya menghadapi alam dan cabaran peristiwa serta sejarah (serta kewujudan antarabangsanya) Oleh yang demikian di halaman dan katanya kita akan dapat membaca bukan saja wajah persekitaran, susun-lapis manusianya, tetapi juga jiwa bangsa itu, melalui cerita, puisi dan persembahan pentasnya Semua hasil ini sangat penting untuk kita lihat rangkaian nilainya, kehidupan bermasyarakatnya, unggul-unggulnya dan kebanggaannya dan tidak lupa pula kebijaksanaan bangsa itu dalam pemikiran dan teknologinya

Kebudayaan Cam melalui waktu yang panjang dan pernah menjadi sebuah kerajaan besar pada kurun <sup>(12-15)</sup> Dan seperti diperlihatkan oleh hampir semua pengkaji terdapat suatu khazanah sastera yang sangat besar dalam bentuk lisan yang masih hidup, walau pun menipis, dan di samping itu dalam bentuk manuskrip yang tersebar di Cam sendiri (Kampuchea dan Vietnam), di Eropah terutama Perancis, dan di Amerika Syarikat Sekarang ini beberapa sudah pun dapat dibaca di Perpustakaan Negara Malaysia

Projek Dispora Melayu Campa menyusul beberapa projek yang sudah mantap dengan inisiatif beberapa badan di Malaysia, yang bekerja saman dengan EFEO. Perancis

Dalam kertas kerjanya Dr Adi Haji Taha (2004:16) menyebutkan bahawa projek MEDM (Muzium Etnografi Dunia Melayu) yang mengumpul bahan dan karya dunia Melayu sedang pesat dijalankan. Apabila MEDM melihat sastera Cam, pembahagian kategori disusun demikian:

- a. Cerita-cerita Hikayat
- b. Cerita-cerita Rakyat
- c. Kisah tokoh-tokoh dan Sejarah
- d. Kitab-kitab berkaitan dengan agama/upacara
- e. Syair/ sajak-sajak/pantun
- f. Peribahasa
- g. Lagu-lagu Nyanyian Rakyat
- h. Surat-surat Kerajaan Pandurangga (abad ke 16-19)  
Doa-doa dan mantera
- i. Ungkapan-ungkapan Upacara Kebudayaan

Ini adalah suatu senarai yang lengkap dan akan membantu perincian kajian. Perpustakaan Negara Malaysia pula terlibat dalam sebuah projek yang dinamakan Joint Project to Save the Memory of the Cam Malays' dengan kerjasama EFEO, telah memula melestarikan manuskrip Cam yang berjumlah 258 judul (Wan Ali, 2004:6). Di antara yang telah mendapat rawatan dan kerja transkripsi ialah:

- (1) Historical Legends - *Po Sah Ino, Po Klaung Gara, Dulikal Patau Tabai*
- (2) History - *Dap Rai Patau (Chronique royale de Panduranga), Po Kabrah, Po Kabrah*
- (3) Folk Tales - *Cer Bilok-Li-u*
- (4) Poems - *Ariya Glang Anak, Ariya Patau Adat, Ariya sah Saker, Ariya Cam Bani*
- (5) Language - *Dictionary of Cam Phanrang, Cam-Malay Words*

(6) Ethics – Proverbs, riddles and moral verses

(7) Beliefs and Premonitions · *Tapuk lpei* Interpretations of dreams,  
*Myeng gleng* (birth), horoscope

Projek ini sudah membuahkan tiga transkripsi *Akayet Deva Mano*, *Akayet Inra Patra* dan *Akayet Um Marup*. Judul pertama dan kedua telah diterbitkan

Kedua-dua projek ini menunjuk jalan kepada kita untuk bergerak ke depan dalam kajian diaspora kita

Tujuan kami dalam bidang sastera ialah

Cuba mengesan jenis-jenis sastera yang terdapat dalam sastera Cam yang masih wujud dalam bentuk lisan atau pun dapat dikesan dalam manuskripnya

Namun Po Darma (1981-198), mengingatkan kita bahawa untuk mengkaji sastera Cam secara tuntas kita perlu meneliti prasasti, tulisan dipahat pada batu yang terdapat di beberapa tempat, sebagai titik permulaan. Tapi mungkin untuk kajian ini kita dapat gunakan bukti prasasti ini sebagai penunjuk abjad dan arah, kerana yang kita cari adalah cerita, puisi dan dramanya

Untuk galuran yang mengikut zaman dan kesinambungan maka dicadangkan pergerakan itu disenaraikan seperti berikut

## **SASTERA LISAN**

Dr Po Darma (1981) juga mengingatkan kita bahawa apa yang hadir di kertas manuskrip (walau pun salinan tulisan itu berasal daripada karya lisan) namun kenyataan di dalam masyarakat dewasa ini agak berlainan sekali. Sastera lisan sulit dicari di Kampuchea dewasa ini, tetapi lebih hadir di Vietnam.

di daerah Phanrang-Phanri Pada beliau, semua sub-genre yang telah disebutkan di atas tercakup dalam sastra lisan. hanya beliau menamakannya sebagai lagu, pepatah dan peribahasa dan teka-teki. serta doengeng dan legenda, sastra adat, pengungkapan falsafah setempat, dan juga obat-obatan Dengan mengambil manfaat daripada ketiga projek/sarjana ini kita mungkin dapat bahagikan sastra lisan ini sebagai kepada bahagian-bahagian kecil berikut

- 1 Peribahasa (*cpap`subhasit*)
- 2 Mantera, doa, jampi (*da-a*), tangkal (*baoh adamah*), dan yang dalam bahasa Melayu, panuec Jawa
- 3 Cerita lisan · dongeng, legenda (*damnay, dalukal*) misalnya, *Ci Biloak Li-u*
- 4 Puisi lisan · teka teki, lagu rakyat. nyanyian kanak-kanak, lagu upacara, (Darma · `syair berlagu'), berbalas syair oleh dua orang *dauh pandauc*, puisi publik · pantun dsb
- 5 Ungkapan Upacara Kebudayaan (Perbilangn Adat?)

terusnya dalam bahagian **sastra bertulis tradisional**,

- 6 Sastra sejarah · · historiografi · · tentang pahlawan dan peristiwa (kronik dikenali sebagai *sakirai*)
- 7 Surat-surat kerajaan
- 8 Syair dan puisi (*ariya, panuec*) pantun dll
- 9 Cerita-cerita nabi dan moral
- 10 tadbir mimpi (*tapuk liper, raksi (myeng gleng)*) dll

Peribahasa (*cpap`subhasit, arbanu* (bahasa berbunga), adalah habluir kebijaksanaan sesuatu bangsa, yang dikutip dari pengalaman dan sejarahnya, boleh berbentuk puisi atau prosa liris Dewasa ini sebuah buku peribahasa Cam oleh Po Darma, akan menjadi dasar kajian Nilai

utama, cara hidup bermasyarakat, sopan santun, individu, cara bekerja, dan kepercayaan akan dirongkai dari pepatah ini. Seterusnya metafora dan bahasa akan disemak dan akan dibandingkan dengan peribahasa Melayu, untuk perasaan dan perbezaan. Sekiranya terdapat persamaan bidang ini akan membawa bukti perkongsian budaya dan bahasa. Teka-teki (*kadha ar, ark ate, panvac pandauv*) nampaknya terhad kepada orang terpelajar dan tua-tua adat, seperti juga di Negeri Sembilan dan Minangkabau.

## 2 Mantera, Doa dan Jampi Serapah

Yang dapat dikesan oleh Nicholas Weber (2004: 3) dan diklasifikasi sebagai 'prayers and magic formulas'. Prayers (*da-a*), istilahnya yang hampir sama dengan 'doa' ditujukan kepada dewa-dewa dan spirit yang Doa ini diucapkan pada upacara dan ritual tertentu. Beberapa *da-a* dalam bahasa Melayu dikenali sebagai *panuec jawa* yang dibaca oleh *maduen* (mudim?) pada upacara. Mungkin kumpulan ini lebih dekat kepada kategori yang disebut sebagai 'jampi serapah' dalam klasifikasi sastera Melayu.

Seterusnya ada juga *adamah* yang mengikut Weber, boleh terbahagi tiga:

- a yang diucapkan oleh orang yang mengetuai upacara agama, untuk memuji Po Yang Ama (Roh Ayah? the Lord Father), Po Nagar (Dewi Negeri) dan roh (*yang*)
- b Mantera pelindung diri daripada kuasa-kuasa ghaib, menghalau hantu (*athur* dan *bhut*), jin dan *kamlai* ('witches'). Ada juga yang dibuat ubat kepada orang yang terkena guna-guna (*inai*)
- c Mantera untuk kerja-kerja harian seperti membina rumah, melangkah, memasuki hutan, di samping untuk mengubat

Bahasa arkaik Cam mungkin juga membawa kata-kata lama Melayu atau Malayaic, dan membawa kajian sejarah bahasa Melayu dan juga istilah dalam mantera Melayu purba tetapi pasti banyak juga berasal dari Sanskrit dan agama Hindu sereta bahasa Khmer tua.

### 3 Sastera Lisan Naratif

Dongeng (*dalukal*), Legenda dan mitos penciptaan Alam, serta Asal Usul Dewata dan Manusia misalnya cerita Po Kuk dan Po Nagar Tujuan disampaikan melalui cerita dengan cara humor atau pengajaran

Seperti sastera Melayu juga terdapat banyak cerita binatang (Darma, 1981 201) seperti kera, arnab, gajah, harimau, kura-kura dan berang-berang

Ternyata binatang ini adalah kiasan untuk manusia, walau pun watak utama, jahat dan baik, licik dan lembab adalah binatang namun yang dipersoalkan adalah masalah masyarakat, keluarga dan peribadi, yang cukup nyata dan dapat diidentifikasi oleh khalayak manusia

Dalam sastera Cham terdapat sekurang-kurang dua buah cerita yang popular dan dikenali ramai yang mungkin mempunyai beberapa persamaan dengan penglipur lara

- a *Pram Dit Pram Lak*, iaitu cerita dua orang adik beradik yang mengembara jauh untuk menyelamatkan isteri Pram Dit, yang bernama Puteri Bia Cata
- b *Inra Sri Bikan* Dalam cerita ini wiranya, Putera Sang Jana bergelut untuk mendapatkan kembali negerinya yang ditakluki oleh Raja Rayana

### 4 Sastera Lisan - Puisi

Selain mantera, jampi dan serapah, terdapat juga puisi yang berbentuk hiburan

Di antaranya ialah teka-teki, lagu rakyat, nyanyian kanak-kanak, lagu upacara, ( Po Darma syair berlagu'), berbalas syair oleh dua orang *dauh pandauc* Bentuk yang berbalas di antara dua kumpulan, dalam bentuk tanya jawab Contoh yang diberikan oleh Dr Darma agak

menyerupai bentuk tanya-jawab dalam Bangau oh Bangau, yang terkenal dalam sastra lisan Melayu

Puisi publik – pantun dsb – jenis ini masih perlu dicari

#### 5 Ungkapan Upacara Kebudayaan (da-ndap · Perbilang Adat?)

Bentuk ini berlainan daripada peribahasa, walau pun bertindihan dengan pepatah adat. Sebab dan atur cara upacara, Weber mengkategorinya ke dalam *Ceremonies and Religious Texts*. Di antara contohnya termasuklah teks yang menerangkan

- a Upacara ini dilakukan untuk menghormati dewa dan dewi dan juga nabi. Po Dobata (Dewata?), Po Nagar (Negeri?), Po Yang Ama, Po Nabi (Nabi?) etc dan roh – yang
- b Beberapa teks lainnya menerangkan upacara kematian **nadam matai** · dan **croak suan** (“the introduction of the soul in the body

### SASTERA BERTULIS

6 **Sastra Sejarah** · historiografi · tentang pahlawan dan peristiwa (kronik dikenali sebagai *sakirai*)

#### 7 Surat-surat Kerajaan

Walaupun dalam sastra Melayu sub-genre ini masih agak baru, dan menuntut bahawa pengkaji cukup akrab dengan sumbernya. Gallop dan Kratz mengkajinya untuk sastra Melayu. Dengan dasar ini boleh juga dibandingkan surat-surat kerajaan dalam bahasa Cam untuk dilihat tradisi penulisan, bahasanya, iluminasi, pengarang dan juga raja-raja yang menintah penulisannya.

Di antara yang disebut oleh Danny Wong Tze-Ken (2004: 6) ialah

Surat dari Pemerintah Tempatah Vietnam di Porpinsu Binh Thuan kepada Raja Champa (Thuan Thanh Tran Vuong), yang memuatkan



perintah. Invois Tuntutan Pembayaran. surat izin dari Raja Champa kepada orang Vietnam. Surat daripada Raja Champa kepada Pegawai Vietnam dan surat Raja kepada Orang Vietnam

Terdapat juga surat individu kepada Raja Cham, dan surat individu Cham kepada pegawai Vietnam

## 8 Syair dan Puisi (*anya, panuec*) pantun dll

Dalam sub-genre puisi bertulis kita dimaklumkan terdapat beberapa bentuk yang digunakan. Pertamanya ialah *anya*, iaitu puisi naratif (yang memperlihatkan beberapa persamaan dengan syair naratif Melayu)

a. *Arya Ur Marup*, sebuah karya akhir kurun 16/awal 17 dalam mana Uri Marup seorang putera Cam yang diislamkan harus berlawan dengan ayahnya Raja Harum yang tidak mahu bertukar ke agama. Beliau terbunuh di tangan ayahnya, tetapi Nabi Muhammad telah mengalahkan raja tua itu, dan seterusnya menjadikannya Muslim

Karya ini terdiri daripada 248 'sentence' (link?)

Sebuah lagi karya yang amat popular, dan dianggap sebagai sebuah cabang dari cerita dari Nusantara, iaitu *Akayet Deva Mano*, yang diperkiraan berasal dari *Hikayat Deva Janti* dalam cerita ini dua orang putera, Dewa Mano dan Dewa Janti yang berunding untuk mengabdikan puteri Ratna Caya Sribyong. Cerita ini dikarang dalam baris-baris puisi yang indah dan menekankan beberapa nilai universal, dan oleh itu diminati ramai

Seterusnya sebuah lagi karya yang juga mungkin berasal dari Nusantara, iaitu *Akayet Inra Patra*, (*Hikayat Inderaputera*) Karya ini hampir dua kali lebih panjang daripada *Akayet Deva Mano*

## 9 Cerita-cerita Nabi dan Moral

Juga seperti dalam sastra Melayu sub-genre ini berkembang setelah kedatangan Islam, dan usahanya menyampaikan nilai-nilai serta contoh Muslim yang baik melalui cara yang lebih ringan dari kitab-kitab agama, dan mungkin lebih berkesan terhadap khalayak kampung atau tradisional Cukup jelas watak Islamnya Oleh yang demikian tidaklah menghairankan bahawa sub-genre ini juga banyak memperlihatkan persamaan dengan cerita Islam Melayu Di antara contoh sastra Melayu, termasuk Cerita Raja Nosiravan dan Puteri Bara Nai Anaih', tentang seorang raja yang terkenal kerana keadilannya

## 10 Tadbir mimpi (*tapuk liper*, raksi (*myeng gleng*) dll

Juga seperti dalam sastra Melayu sub-genre ini sangat terkenal dan popular dalam kurun-kurun sebelum ke-20 Dasarnya ialah kepercayaan bahawa mimpi itu berakar kepada kenyataan Tuhan atau dewa-dewa ingin menyampaikan pesanan atau tanda melalui mej-imej yang dimimpikan pada malam mimpi Biasanya dengan mengetahui makna sesuatu mimpi maka sesuatu yang akan terjadi sudah pun diketahui sebelumnya, dan tindakan yang sesuai dapat diambil untuk mengambil tunjuk ajar mimpi itu atau mencari jalan untuk 'menolak bala' atau mara bahaya yang mungkin menimpa

Dalam sastra Melayu kita menemui puluhan salinan dalam simpanan formal, dan mungkin lebih banyak dalam simpanan peribadi Beberapa versi telah pun dicetak, di antaranya di Pulau Pinang

Suatu hal yang menarik ialah seperti kata Dr Po Darna (2004 2)

Di antara 1796 tajuk (manuskrip di Eropah) upacara dan istiadat merupakan bidang terbesar yang dijumpai dalam koleksi tersebut Bidang kedua adalah teks sastra seperti legenda, cerita rakyat, syair dan hikayat Bidang ketiga adalah sejarah diikuti dengan ilmu sihir dan kata-kata nasihat Selain dari bidang-bidang utama tersebut terdapat beberapa bidang lain lagi, iaitu astronomi,

kalender, kosmogoni, adapt resam, geografi, horoskop, ubat tradisi dan sebagainya

Kita tidak tahu apakah pembahagian kategori ini koleksi-koleksi ini mewakili kenyataan manuskrip di Campa (Vietnam dan Kampuchea) itu sendiri ataukah orang-orang Perancis lebih suka mengutip manuskrip upacara dan sastera, selain sejarah. Namun begitu jumlah dalam ketiga-tiga kategori ini menjanjikan sumber yang mencukupi, terutama apabila dicampur dengan manuskrip di Amerika, di Kampuchea dan Vietnam, serta cerita-cerita dan puisi lisan yang masih terdapat di kampung dan kota kedua buah negeri bekas Indochina ini

## **Penutup**

Kajian sastera ini ingin melihat genius sastera Cham, dari seluruh khazanah lisan dan tulisannya. Oleh kerana kajian ini merupakan penelitian diaspora maka ingin dilihat juga akar sastera Melayu sastera ini yang dibawa ke Campa, cabang-cabang baru yang diakibatkan oleh persekitaran dan perkembangan baru, bakat besar dan akhirnya sumbangannya terhadap sastera Kampuchea (dan Vietnam), pada zaman lisan, manuskrip, buku atau mutakhir

Po Darma juga menyebutkan bahawa tiada sastera moden Cam yang diterbitkan sekarang. Maka untuk mengkaji jelmaan mutakhir sastera dalam bahasa ini pasti menimbulkan kesulitan besar. Tetapi kita masih boleh melihat sastera lisan mutakhir yang muncul dewasa ini, dan juga pada zaman moden (lisan kedua), termasuk cerita-cerita tragis orang Cam semasa Pol Pot dsb

## Rujukan

Abdul Rahman al-Ahmadi, 1988 *Sejarah Kebudayaan Champa* Kuala Lumpur KKP dan EFEO

Cham Literature, 1971  
Kuala Lumpur, Penerbit  
Sastera

Abdul Rahman Al- Ahmadi, *Sejarah dan Kebudyaan Champa*

Adi Haji Taha, Peranan Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) dalam Bidang Pengkajian dan Pendokumentasian Warisan Champa Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Cam 2004

EFEO, 1981 *Kerajaan Campa* Jakarta Balai Pustaka,

PNM dan EFEO, 1997 *Akayet Inra Putra* Kuala Lumpur PNM dan EFEO.

PNP dan EFEO, 1998 *Akayet Dewa Mano* Kuala Lumpur PNM dan EFEO.

Darma, Po, 'Manuskrip dalam Tulisan Cam Vietnam di Eropah Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Cam 2004

Lafont P B dan Po Darma, 1989 *Bibliographie Campa et Cam* Paris L'Harmattan.

LECLERE, Adhemard, 1895 *Cambodge Contes et legends* Paris Emile Boillon

Lihat juga dalam buku sama *Contes Malais* Bahagian keenam 295-306  
'Combat de buffle et du bufflon' 'Arrivee des Malais a Kampot' 301-305

- Marrison G E The Chams and their Literature *JMBRAS* Vol 58 45-58
- Marrison, G E The Cham of Malacca Bibliog *JMBRAS* 24(1) 90-98 F 1951
- Mohamad Zain Musa dan Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman, 2003  
*Masyarakat Cam Sepanjang Zaman* Kuala Lumpur Ikatan Ahli-ahli  
 Arkeologi Malaysia
- Mohamad Zain Musa, 'Manuskrip dalam Tulisan Cam di Kemboja,' Seminar  
 Antarabangsa Manuskrip Melayu Cam 2004
- Moussay, Gerard, Keadaan Mansukrip Melayu Campa Penciptaan dan  
 Pemuliharaan Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Cam 2004
- Pogadaeva, Polina 2003 Komuniti Cam. dlm *Dewan Budaya*, Okt 2003 46-  
 47
- Sheppard, Mubin The Khmer Shadow Play and its Link with Ancient India A  
 possible source of the Malay Shadow Play of Kelantan and Trengganu, in  
*JMBRAS*, XL (1968) 1 199-204
- Wan Ali Wan Mamat dan Siti Mariani S M Omar. Preservation of Documentary  
 Heritage of the Cham Malays' Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu  
 Cam 2004
- Weber, Nicholas 'Mansukrip dalam Tulisan Cam Vietnam di Amerika Seminar  
 Antarabangsa Manuskrip Melayu Cam 2004
- Wong, Danny, Tze-Ken 'Arkib Kerajaan Campa pada Abad ke-17 hingga 19  
 Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Cam 2004